



Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Website: (English, BM, Chinese & Tamil)
<https://consumer.org.my>

facebook.com/ConsumerAssociationPenang
twitter.com/consumer_penang
instagram.com/consumer_penang

Kenyataan Akhbar

18 Ogos 2025

Serangan Pengecut Terhadap Keluarga Rafizi Tidak Boleh Terlepas Daripada Hukuman

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mengutuk dengan sekeras-kerasnya serangan pengecut terhadap anak lelaki bekas Menteri Ekonomi yang berusia 10 tahun itu di sebuah pusat membeli-belah di Putrajaya, diikuti pula dengan ancaman yang seterusnya terhadap keluarganya.

Tingkah laku sedemikian itu adalah amat keji, memalukan dan menghina kesopanan asas, ia mendedahkan ketidakupayaan atau keengganan pelaku untuk berhadapan dengan orang yang berkenaan melalui cara yang sah seperti mahkamah atau polis.

Dilaporkan bahawa serangan itu dikaitkan dengan kerjanya yang mendedahkan skandal politik dan lain-lain daripada maklumat yang diberikan oleh pemberi maklumat.

Pihak berkuasa hendaklah berusaha sedaya upaya dalam siasatan mereka dan memastikan mereka yang bertanggungjawab segera ditangkap, didakwa dan dihukum mengikut undang-undang sepenuhnya.

Pihak polis mestilah memulihkan keyakinan orang ramai terhadap keselamatan. Jika ini boleh berlaku kepada bekas menteri, ia boleh berlaku kepada sesiapa sahaja.

Mohideen Abdul Kader
Presiden
Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)